

06/02/2002

Khidmat Pengerusi Eksekutif SC dilanjut

MENTERI Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melanjutkan tempoh perkhidmatan Datuk Ali Abdul Kadir sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti (SC) selama dua tahun lagi.

SC, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam berkata, Ali akan memulakan penggal keduanya pada 1 Mac, 2002. Tempoh perkhidmatan pertama beliau bermula pada 1 Mac 1999.

"Saya amat berbesar hati dan dengan tenaga kerja yang kuat di Suruhanjaya, kami akan terus berusaha ke arah menjadikan pasaran modal Malaysia lebih berdaya maju.

"Saya juga berharap mendapat sokongan peserta pasaran dalam meneruskan pencapaian tahap profesionalisme lebih tinggi untuk menjadikan Malaysia pasaran modal utama," kata Ali.

Suruhanjaya Sekuriti mencapai beberapa kejayaan penting di bawah pimpinan Ali. Antaranya ialah pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) pada Februari 2001.

CMP ialah pelan strategik 10 tahun untuk memastikan pasaran modal Malaysia kukuh dalam menyokong keperluan dan aspirasi perkembangan ekonomi negara.

CMP terbentuk daripada beberapa teras yang menjadi langkah untuk menghadapi persaingan serantau dan peningkatan globalisasi, serta mempergunakan peluang tambahan dalam bidang strategik.

(END)